

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS: Proposed constitutional amendments on citizenship risks worsening statelessness, burdening the economy and threatening national security

Kuala Lumpur, 19 March 2024: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is greatly concerned by the proposed amendments to the Federal Constitution that will have a harmful impact on stateless children, particularly foundlings. We are of the view that the government should separate the proposed package of amendments and proceed with the two that will grant Malaysian mothers the equal right to confer automatic citizenship on their children born overseas. More time should also be allowed for Members of Parliament (MPs) to debate on its contents before voting.

Particularly disturbing is the repeated justification given by the Ministry of Home Affairs for these amendments, which include safeguarding security and that citizenship is a privilege. "I would like to stress that using national security as a justification for these regressive amendments is akin to a red herring and a clear effort to distract the public from the harm that will inevitably be inflicted on stateless children. Insisting that citizenship is a privilege also closes doors for already vulnerable sections of society from accessing basic rights that should be available for every human being. Furthermore, the Ministry has thus far failed to provide data to prove that the status quo regarding stateless children has been a national security threat, despite being asked repeatedly by CSOs," said Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

It is also important to recognise that having a clear pathway to citizenship means granting stateless persons - whose statelessness is through no fault of their own - a future where they can access public education, banking, healthcare services and employment. "These proposed amendments will worsen the current situation, increasing the number of stateless children and creating new generations of stateless persons who are unable to access basic rights, impair their ability to earn a decent living, and thereby increase their risk of exploitation and trafficking. According to the US Department of State's 2023 Trafficking in Persons Report, Malaysia's birth registration policies have left more than an estimated 500,000 individuals – including children – stateless and therefore unable to access some government services, including legal employment and public schools, increasing their vulnerability to trafficking. Clearly, *this* is the security issue threatening our safety," continues Dr Yeoh.

Beyond the humanitarian angle, it is important to also consider the economic cost of statelessness. Findings from a 2019 study conducted by the office of the MP for Subang showed an estimated annual loss of RM 6 billion due to the denial of citizenship to around 300,000 individuals born in Malaysia or to Malaysian parents. This calculation is based on the assumption that half of the stateless population is of working age, resulting in 150,000 individuals experiencing unequal job opportunities and achieving only half of the average annual productivity value of RM 81,039. This loss stems from the denial of equal job opportunities and productive contributions to the economy by stateless individuals. The report also underscores the urgent need for decisive action to resolve citizenship issues, emphasising that resolving these cases can yield significant economic, social, and health benefits without incurring additional administrative costs.

“These reprehensible amendments are a direct assault on our Federal Constitution and an affront to our founding values. If these amendments pass, Malaysia will be the only country in the world in a decade that actually takes away the protection and rights of children,” concludes Tunku Zain al-’Abidin ibni Tuanku Muhriz, IDEAS Founding President.

— END —

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

IDEAS: Pindaan perlembagaan berkaitan kewarganegaraan berisiko burukkan situasi ketiadanegaraan, bebaskan ekonomi, danancam keselamatan negara

Kuala Lumpur, 19 Mac 2024: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) sangat bimbang dengan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang akan memberi kesan buruk kepada kanak-kanak tidak bernegara, terutamanya kanak-kanak terdampar. Kami berpendapat bahawa kerajaan sepatutnya memisahkan cadangan pindaan tersebut dan meneruskan dengan dua pindaan yang akan memberi hak sama rata kepada ibu yang berwarganegara Malaysia untuk menurunkan kewarganegaraan secara automatik kepada anak mereka yang lahir di luar negara. Lebih banyak masa juga harus diberi kepada Ahli Parlimen untuk membahas kandungan draf pindaan sebelum pengundian.

Paling membimbangkan adalah justifikasi yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri secara berulang kali bagi pindaan ini, yang termasuk melindungi keselamatan negara dan bahawa kewarganegaraan adalah satu keistimewaan. "Saya ingin menekankan bahawa menggunakan keselamatan negara sebagai justifikasi untuk pindaan regresif ini ibarat menghalakan tumpuan daripada isu sebenar dan merupakan satu usaha yang jelas untuk mengalih perhatian orang ramai daripada kemudaratan terhadap kanak-kanak tidak bernegara. Berkeras menyatakan bahawa kewarganegaraan adalah satu keistimewaan juga menutup pintu bagi golongan yang sudah rentan dalam masyarakat untuk mencapai hak asasi yang sepatutnya tersedia untuk setiap manusia. Selain itu, Kementerian sehingga kini gagal memberikan sebarang data untuk membuktikan bahawa keadaan semasa kanak-kanak tidak bernegara merupakan ancaman keselamatan negara, walaupun diminta berulang kali oleh organisasi masyarakat sivil (CSO)," kata Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

Penting untuk mengakui bahawa jalan yang jelas untuk mendapat kewarganegaraan bermakna orang tidak bernegara - yang tidak memilih untuk berada dalam keadaan tersebut - berpeluang menikmati masa hadapan di mana mereka mempunyai capaian terhadap pendidikan awam, perbankan, perkhidmatan kesihatan, dan pekerjaan. "Pindaan yang dicadangkan ini akan memburukkan lagi situasi semasa, meningkatkan jumlah kanak-kanak tidak bernegara dan mewujudkan generasi individu tidak bernegara yang tiada capaian terhadap hak asasi, menyekat keupayaan mereka untuk mencari rezeki, dan seterusnya meningkatkan risiko terdedah kepada eksploitasi dan pemerdagangan manusia. Menurut Laporan Pemerdagangan Manusia 2023 oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat, dasar pendaftaran kelahiran Malaysia telah mengakibatkan lebih daripada kira-kira 500,000 individu - termasuk kanak-kanak - tidak bernegara dan oleh itu tidak dapat mencapai beberapa perkhidmatan kerajaan, termasuk pekerjaan yang sah dan persekolahan awam, dan lebih terdedah kepada risiko pemerdagangan manusia. Jelas, inilah isu yang mengancam keselamatan kita," ulas Dr Yeoh.

Selain sudut kemanusiaan, adalah penting juga untuk mempertimbangkan kos ekonomi ketiadanegara. Dapatan daripada satu kajian yang dijalankan oleh pejabat Ahli Parlimen Subang pada tahun 2019 menunjukkan kerugian tahunan dianggarkan sebanyak RM 6 bilion disebabkan penolakan kewarganegaraan terhadap kira-kira 300,000 individu yang dilahirkan di Malaysia atau dilahirkan oleh ibu bapa warganegara Malaysia. Pengiraan ini berdasarkan anggapan bahawa separuh daripada populasi tidak bernegara berada dalam umur bekerja, menyebabkan 150,000 individu mengalami peluang pekerjaan yang tidak sama rata dan hanya mencapai separuh nilai produktiviti tahunan purata sebanyak RM 81,039. Kerugian ini disebabkan penolakan peluang pekerjaan yang sama rata dan sumbangan produktif kepada ekonomi oleh individu tidak bernegara. Laporan itu juga menekankan keperluan mendesak untuk tindakan tegas ke atas penyelesaian isu kewarganegaraan, menekankan bahawa menyelesaikan kes-kes ini boleh memberikan manfaat ekonomi, sosial, dan kesihatan yang besar tanpa menanggung kos pentadbiran tambahan.

"Pindaan zalim ini adalah serangan langsung terhadap Perlembagaan Persekutuan dan satu penghinaan kepada nilai-nilai asas negara kita. Jika pindaan ini diluluskan, Malaysia akan menjadi satu-satunya negara di dunia dalam tempoh satu dekad yang melucutkan perlindungan dan hak kanak-kanak," ujar Tunku Zain al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz, Presiden Pengasas IDEAS.

— TAMAT—

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker - Penolong Pengurus

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak.

Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.